

14 MEI 2018

## 170kg ketum cuba diseludup ke Thailand dirampas



PASUKAN Batallion Kedua Rejimen Renjer Diraja bersama 170 kilogram daun ketum yang dirampas berhampiran sempadan Malaysia-Thailand, semalam. - IHSAN ATM

### 170kg ketum cuba diseludup ke Thailand dirampas

**ALOR SETAR 13 Mei** — Markas 6 Briged melalui Pasukan Rondaan Batallion Kedua Rejimen Renjer Diraja (2RRD) merampas 170 kilogram (kg) daun ketum bernilai RM15,300 dipercaya untuk diseludup ke negara jiran semalam.

Panglima 6 Briged, Brigadier Jeneral Abdul Aziz Ismail berkata, pasukan tersebut menemukan tujuh bungkus guni berwarna putih ketika melakukan rondaan di sekitar kawasan berhampiran Pos Sahara pada pukul 9.30 pagi.

"Hasil pemeriksaan mendapati kira-kira 1,500 ikat daun ketum

seberat 170kg dengan nilai dianggarkan RM15,300.

"Penyeludup daun ketum ke negara jiran ini semakin berleluasa disebabkan permintaan dan harga yang tinggi yang mana sekilogram daun ketum berharga RM90," katanya dalam kenyataan hari ini.

Bagaimanapun menurut Abdul Aziz, tiada tangkapan dilakukan ketika pasukan rondaan melakukan pemeriksaan terhadap barang yang dirampas.

"Daun ketum yang dirampas telah dibawa ke ibu pejabat Polis Daerah Kuala Nerang untuk tinjakan lanjut," jelasnya.